

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 44

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L10894
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tahap penglibatan para graduan dalam inisiatif Program Jana Usahawan Hijau (JAGUH) bagi memastikan kempen kesedaran dan partisipasi golongan muda dalam bidang Ekonomi Hijau.

2. PR-1433-L10222
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jelaskan berapa caj yang dibayar oleh Kementerian kepada vendor-vendor yang mengendalikan Program Kursus Pembangunan Usahawan B40 bagi pihak Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), dan senaraikan vendor-vendor tersebut. Berapakah peserta yang telah memanfaatkan program ini.

3. PR-1433-L10698
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes penyalahgunaan dan pengedaran dadah di kawasan Bintangor, Sarikei, Tanjung Manis dan Pulau Buit. Berapa jumlah tangkapan dan pendakwaan telah dilakukan oleh pihak PDRM.

4. PR-1433-L10881
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan tentang usaha Kementerian memantapkan rantai perbekalan dalam pembangunan induk dan pembenihan ikan patin yang dikatakan sukar para pengusaha khususnya dari Temerloh untuk mendapatkan anak ikan serta harga bekalan yang meningkat. Ini adalah supaya usaha perniagaan akuakultur ini terus berjaya dan mampu berdaya saing.

5. PR-1433-L10272
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan unjuran pelaburan luar negara secara langsung (FDI) bagi tahun 2021 serta usaha yang dilakukan bagi menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur di negara ini.
6. PR-1433-L10581
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan terperinci Kementerian tersebut untuk membina tempat letak kenderaan di Hospital Teluk Intan yang sedang mengalami kekurangan tempat letak kenderaan yang sangat kritikal.
7. PR-1433-L11022
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian bercadang untuk berkerjasama dengan Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi membanteras masalah sindiket '*Macau Scam*' yang semakin berleluasa menyusahkan rakyat.
8. PR-1433-L11343
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah yang ditanggung oleh Kementerian Kesihatan untuk program berhenti merokok seperti program mQuit dan sejauh manakah keberkesanan program-program tersebut.
9. PR-1433-L10638
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah Kementerian membuat '*Master Plan*' sistem pembersihan sungai di kawasan Lubok Antu terutama sungai-sungai yang berpotensi dijadikan kawasan riadah.
10. PR-1433-L10459
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian dan perancangan Kerajaan dalam isu mewajibkan penggunaan perakam video (*dashcam*) sebagai aksesori asas pada semua kenderaan.
11. PR-1433-L10879
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pelan tindakan yang komprehensif dengan rancangan penubuhan Unit Jenayah Alam Sekitar.

12. PR-1433-L10987
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan dan status pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan bilakah ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat.
13. PR-1433-L11149
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan pelan transformasi Nelayan Zon A kepada Zon B, C dan C2 serta langkah-langkah menggalakkan tekong dan pemilik bot B, C dan C2 di kawasan Pantai Barat adalah di kalangan warganegara Malaysia.
14. PR-1433-L10178
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) apakah status pelaksanaan projek perumahan Residensi Prihatin dan Rumah Prihatin Wilayah seperti diumumkan oleh Menteri Wilayah pada bulan Mei ; dan
 - (b) apakah perkembangan cadangan untuk menyemak semula projek-projek perumahan RUMAWIP dan Residensi Wilayah yang sedang dijalankan.
15. PR-1433-L10404
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian mengenai naik taraf atau gantian penuh klinik Tun Abang Haji Openg Simpang Bekenu dan Klinik Ladang 3 yang kini dalam keadaan daif.
16. PR-1433-L10474
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan statistik kilang yang beroperasi sama ada secara sah dan secara haram di sepanjang sungai-sungai di Wilayah Persekutuan dan di Selangor, sistem pemantauan sedia ada, langkah pencegahan dan rancangan penempatan semula kilang-kilang tersebut supaya pencemaran air sungai tidak berulang.
17. PR-1433-L10792
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan bekalan makanan rakyat mencukupi khususnya pada tempoh pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan gelombang ketiga COVID-19 khususnya di kalangan para petani, penternak dan nelayan.

18. PR-1433-L10805
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah terdapat usaha pihak Kementerian bagi memerdekakan golongan nelayan dari belunggu subsidi dan bantuan sara hidup.
19. PR-1433-L10150
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membolehkan '*swab test*' COVID-19 diakses oleh semua golongan terutama kumpulan B40 supaya mereka tidak dibebani dengan kos yang tinggi bagi menjalankan saringan sama ada bergejala ataupun tidak.
20. PR-1433-L11165
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pemansuhan Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1964 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta bilangan kes dalam siasatan, dakwaan dan sabitan dan usaha untuk menggantikan akta-akta ini dengan undang-undang yang lebih saksama dan progresif.
21. PR-1433-L10158
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan senarai negeri-negeri yang telah melaksanakan caj 20 sen bagi beg plastik sekali-guna menurut Pelan Halatuju Sifar Penggunaan Plastik Pakai buang 2018-2030 dan negeri-negeri yang belum melaksanakan inisiatif tersebut.
22. PR-1433-L11232
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat Ogos 2020, kadar pengangguran kekal 4.7%. Angka ini dijangka akan meningkat pada hujung tahun ini. Apakah usaha Kementerian untuk menambah peluang pekerjaan di keseluruhan sektor-sektor ekonomi.
23. PR-1433-L10389
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan pembaikan semula Klinik Kesihatan Long Lama akibat kejadian tanah runtuh baru-baru ini.

24. PR-1433-L10077

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak syarikat yang mendapat manfaat melalui Program Subsidi Upah dan sejauh mana kesannya dalam menghalang pekerja hilang pekerjaan dan syarikat tutup perniagaan.

25. PR-1433-L10779

Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan seorang ADUN di Melaka telah positif COVID-19 yang mana beliau telah mendakwa bahawa keputusannya negatif sebelum menunjukkan positif selepas ke pejabat:-

- (a) apakah terdapat kesalahan teknikal atau ujian tersebut mempunyai kelemahan. Apakah tindakan Kementerian untuk menambah baik perkara-perkara tersebut; dan
- (b) berapa peruntukan tambahan yang disalurkan kepada hospital negeri, klinik dan klinik desa tahun 2020 untuk menangani COVID-19.

26. PR-1433-L10330

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan masuk dan keluar Malaysia telah diterima dan berapa telah dilulus dan ditolak sejak MyTravelPass diperkenalkan.

27. PR-1433-L10967

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca peningkatan mendadak kes positif COVID-19 di beberapa buah penjara di Sabah, Kedah dan Pulau Pinang serta apakah langkah terperinci yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menjaga kebajikan warga penjara dan banduan yang terlibat dalam kuarantin wajib di premis penjara terlibat.

28. PR-1433-L10607

Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Bandar Saujana Putra (BSP) memerlukan balai polis memandangkan jumlah penduduk di kawasan itu sudah meningkat. Adakah balai polis akan dibina di BSP dalam masa terdekat demi keselamatan dan kesejahteraan hidup masyarakat BSP.

29. PR-1433-L10228
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengadakan:-
- (a) skim padi di Nanga Merit dan di Sungai Tunoh, Daerah Bukit Mabong, Bahagian Kapit ; dan
 - (b) di Tubau, Bahagian Bintulu.
30. PR-1433-L10425
Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperhebatkan lagi sektor agro-pelancongan khususnya dalam menarik minat pelancong domestik.
31. PR-1433-L11005
Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sektor perladangan dan pembinaan telah menghadapi kekurangan tenaga pekerja asing secara drastik setelah pandemik COVID-19. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
32. PR-1433-L10372
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Pegawai Perubatan Kontrak yang sudah diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap dan bilangan yang masih menunggu dan apakah langkah diambil oleh Kementerian untuk pegawai-pegawai kontrak yang masih menunggu.
33. PR-1433-L11403
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pekerja asing dihantar pulang ke negara asal dan berapa yang telah menjadi pendatang tanpa izin selepas Kerajaan membatalkan lesen *outsourcing* pada tahun 2018.
34. PR-1433-L11297
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelulusan yang diberikan kepada pemohon Pemaustatin Tetap di bawah kategori isteri, suami dan anak-anak warganegara asing dari 2016 hingga 2020.

35. PR-1433-L11073
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menaik taraf Hospital Tenom dalam masa terdekat ini.
36. PR-1433-L10110
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status pembinaan Pasar Tani Kekal Pekan Kampung Gajah.
37. PR-1433-L11391
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status rancangan tebatan banjir persekitaran kawasan LIDO Bandaraya Kota Kinabalu yang berjumlah RM76 juta seperti dalam senarai projek RP4 RMK-11 P.174 Penampang yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 18 Februari 2019.
38. PR-1433-L10191
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Ops Naga masih diteruskan bagi menyelamatkan hasil negara dan membela nasib nelayan terutama dalam mendepani krisis COVID-19.
39. PR-1433-L10700
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil ke atas ahli pentadbiran yang kembali dari Sabah dan tidak mematuhi SOP pengawasan COVID-19 seperti memakai gelang putih dan kuarantin sendiri di rumah selama 14 hari dan apakah status tindakan ke atas YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.
40. PR-1433-L10141
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan penyiasatan kes-kes kematian anggota bomba arwah Muhammad Adib dan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia cawangan Rantau Panjang, arwah Anisah Ali dan bilakah suspek-suspek yang terlibat akan diheret ke mahkamah dan dituduh.

41. PR-1433-L11186
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan Kementerian untuk mengendalikan pesakit dibawah jagaan Klinik Pakar semasa penutupan operasi Klinik Pakar akibat penularan wabak COVID -19 di Sabah khususnya Sandakan ; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menghantar pesakit mendapatkan rawatan di hospital swasta bagi kes kritikal.
42. PR-1433-L10696
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang langkah yang telah dan akan dijalankan dalam menjamin kebajikan pemandu teksi terutama disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda negara.
43. PR-1433-L11398
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital pakar jantung di Sabah serta anggaran kos yang terlibat.
44. PR-1433-L10952
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda peraturan Socso untuk membolehkan pekerja yang mempunyai jaminan insurans tersebut boleh mendapat perlindungan untuk rawatan awal penyakit kanser, bukan sahaja perlu tunggu sehingga tahap IV.
45. PR-1433-L10304
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah bahan buangan berbahaya terjadual yang dihasilkan di Malaysia setiap hari, kapasiti kemudahan-kemudahan bersepadu berlesen untuk dilupuskan dan strategi Kerajaan untuk menguruskan sisa berbahaya terjadual tersebut.
46. PR-1433-L10128
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil ke atas keterangan oleh Jabar Khan seperti yang terkandung dalam hansard Parlimen 26 Februari 2007 bahawa UMNO Sabah terlibat memberi kad pengenalan biru kepada PTI dan menjadikan mereka pengundi.

47. PR-1433-L11161
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak sama ada bersama ibu bapa atau penjaga atau bersendirian mengikut pecahan Pusat Tahanan Imigresen atau Depo Imigresen di semua negeri sehingga kini dan apakah status komitmen Kerajaan kepada "*Alternative to Detention*" yang telah dipersetujui sebelum ini.
48. PR-1433-L11242
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan atau meminda Akta Hasutan, 1948 dan sekiranya tidak sama ada akta tersebut akan dipinda untuk sekurang-kurangnya mengiktirafkan niat (*intention*) tertuduh sebagai satu pembelaan.
49. PR-1433-L11167
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian mengenai rumah PPAIM Melinjau, Presint 11J, Putrajaya yang telah siap, tapi tidak sesuai diduduki oleh penduduk mahupun pembeli dan masalah parkir yang belum selesai.
50. PR-1433-L11136
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah subsidi yang telah disalurkan kepada inisiatif 'Pas MY30 tanpa had' untuk pengangkutan awam di Lembah Klang setiap bulan sejak dilaksanakan sehingga kini.
51. PR-1433-L10983
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Labuan mencatatkan kadar penghuni setinggan tertinggi dalam negara. Ianya merupakan bom jangka bagi penyakit berjangkit di Pulau Labuan. Apakah perancangan pihak Kementerian untuk memastikan Wilayah Persekutuan Labuan yang kecil itu menjadi bebas setinggan.
52. PR-1433-L11053
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jelaskan apakah asas yang diguna pakai untuk membenarkan pelepasan kuarantin wajib 14 hari di pusat kuarantin bagi mereka yang pulang dari luar negara.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (D.R.16/2020) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (26 November, 2020)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-----------------------------------|
| 2. | (D.R 17/2020) | Rang Undang-undang Kewangan 2020

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R 11/2020) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 –
Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa
Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua
sekarang," (5 November, 2020)

[Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] | |
| 4. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-undang Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 5. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-undang Kilang dan Jentera
(Pemansuhan) 2020

[Menteri Sumber Manusia] | " |

6. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa **Bacaan Kali
Malaysia 2020 Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

7. (D.R 12/2020) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas "
Tatakelakuan Polis 2020

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1433-U(27)141
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

9. PR-1433-U(27)144
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)145
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

11. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

12. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

13. PR-1433-U(27)148

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

14. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1433-U(27)150

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

[Menteri Kewangan]

16. PR-1433-U(27)152

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

17. PR-1433-U(27)164

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1433-U(27)166

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

21. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

23. PR-1433-U(27)165

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

Bahawasanya Dewan ini berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya- kepada beliau bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan sebaiknya. Negara memerlukan kestabilan dan perpaduan erat di semua peringkat dalam mengharungi ujian penularan semula pandemik Covid-19. Usaha yang bersungguh-sungguh amat diperlukan bagi memulihkan ekonomi negara dan membela nasib seluruh rakyat yang begitu teruk terjejas akibat wabak."

[Perdana Menteri]

24. PR-1433-U(27)140

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

